

## **PENDIDIKAN KEIBUBAAPAN: SATU PENENALAN RINGKAS**

Profesor Madya Dr. Mustafa Hj. Daud (mus87.uum.edu.my)  
Jabatan Pengajian Umum,  
Fakulti Sains Kognitif dan Pendidikan,  
Universiti Utara Malaysia,  
Tel. 04-9284462 (P) 04-9172427 (P)FAX:04-9285750

### **ABSTRAK**

Meningkatnya keruntuhan moral dan pelbagai gejala sosial merupakan indikator kepada keruntuhan institusi keluarga. Kegagalan ibu bapa melaksanakan amanah, tugas dan tanggungjawab masing-masing merupakan faktor utama kepada keruntuhan institusi keluarga. Keruntuhan institusi keluarga bukan sahaja membawa kepada keruntuhan moral dan merebaknya gejala sosial malah menjejaskan pembinaan generasi cemerlang yang merupakan pemimpin pelapis dan pewaris pembangunan negara. Justeru itu, pendidikan keibubapaan amat penting dititik-beratkan pada masa kini. Mereka perlu disedarkan dan diinsafkan tentang betapa besar peranandan fungsi mereka dalam menjana generasi cemerlang dan negara maju. Dengan sikap, ilmu dan kemahiran keibubapaan diyakini matlamat itu akan tercapai.

#### **1. PENGENALAN**

Rata-rata hasil penyelidikan berkaitan dengan keruntuhan moral dan gejala sosial sejak tahun 1980an hingga kini membuktikan bahawa faktor utama keruntuhan moral dan pelbagai gejala sosial berpunca dari krisis keluarga. Kegagalan ibu bapa menyempurnakan amanah, tugas dan tanggungjawab masing-masing menjadi titik tolak keruntuhan institusi keluarga.

Pendidikan keibubapaan amat relaven pada masa kini dan masa-masa mendatang kearah pembinaan akhlak, pengukuhan institusi keluarga, pembinaan generasi cemerlang, masyarakat, ummah dan negara.

#### **2.KEIBUBAAPAN**

##### **2.1 Pengenalan**

Ibu bapa merupakan jawatan utama dan terpenting bagi sebahagian besar anggota masyarakat. Ibu bapa merupakan satu jawatan tanpa perlantikan rasmi dari sesiapa. Segala-galanya bertitik-tolak dari amanah, tugas, peranan dan tanggungjawab yang mesti dipikul oleh setiap ibu bapa.(Rusnani anbdul kadir, 2000)

##### **2.2 Definisi Keibubapaan**

Teuku Iskandar, (1970) mendefinisikan ibu sebagai emak, mama, mami dan bonda. Bapa pula sebagai ayah, abah, dedi dan papa. Ibu merujuk kepada peranan dan tanggungjawab dalam mengasuh dan mendidik anak-anak di rumah. Bapa sebagai ketua keluarga yang bertanggungjawab memberi nafkah, menyediakan tempat tinggal, pakaian

dan kasih sayang terhadap ahli keluarga termasuk isteri dan anak-anak.(T. Iskandar, 1970)

Perkembangan anak dari segi fizikal (jasmani) , sosial, emosi, mental (kognitif) dan intelek banyak dipengaruhi oleh interaksi antara ibu, bapa dan anak-anak. Sebahagian ibu dan bapa semesti berkerjaya untuk menyara ahli keluarga. Di samping itu mereka memerlukan tiga set kepakaran untuk menyempurnakan amanah, tugas dan tanggungjawab sebagai ibu bapa.

### 2.2.1 Sikap Keibubapaan

Sikap menentukan tingkah laku seseorang ibu dan bapa. dalam melaksanakan amanah, tugas dan tanggungjawab sebagai ibu bapa. Yang dimaksudkan dengan sikap keibu-bapaan ialah keyakinan dan kepercayaan terhadap fitrah, pembawaan, kemampuan, bakat dan pelbagai aspek kanak-kanak yang lain.

Ilmu, pengetahuan dan pengalaman berkaitan dengan perkembangan kanak-kanaklah yang mempengaruhi sikap seseorang ibu bapa. Asuhan sejak kecil dan pendidikan yang diterima oleh ibu bapa juga turut mempengaruhi sikap keibu-bapaan. Ini bererti kepercayaan, keyakinan, ilmu, asuhan, pendidikan dan pengalaman yang diterima merupakan rempah ratus dan ramuan yang membentuk sikap keibu-bapaan.

### 2.2.2 Ilmu Keibubapaan

Mengetahui serba serbi berkaitan dengan perkembangan kanak-kanak, ilmu psikologi, ilmu pendidikan, ilmu kesihatan, ilmu pemakanan, ilmu keselamatan dan sebagainya. Bidang-bidang ilmu ini wajib dikuasai oleh setiap ibu bapa dalam menyempurnakan tugas dan tanggungjawab sebagai ibu bapa.

### 2.2.3 Kemahiran Keibubapaan

Yang dimaksudkan dengan kemahiran keibu-bapaan ialah kemahiran ibu bapa dalam aspek interaksi, komunikasi dan mendisiplinkan anak-anak hasil dari sikap dan ilmu tentang asuhan dan didikan mereka.

## 2.3 Sejarah Amalan Keibubapaan

Keselamatan atau *survival* merupakan matlamat hidup masyarakat primitif. Ketidak-fahaman terhadap kanak-kanak dan keadaan ekonomi mempengaruhi status kanak-kanak. Mereka dibiarkan kadangkala mati untuk mengawal pertumbuhan populasi. Yang sihat, kuat, tidak cacat dan lelaki dibiarkan hidup dengan baik.

Di dalam negara kota seperti Sparta dan Athen pendidikan daimbal oleh negara untuk melahirkan rakyat sihat, cergas dan berkemahiran dalam ilmu ketenteraan untuk mempertahankan negara. Status kanak-kanak dari tahun 400-1400M di Eropah (sistem feudal) ditentukan oleh kelas keluarganya sama ada pembesar, tuan punya ladang, tanah, penyewa ladang atau petani dan pedagang

Pemerintah negara mengambil-alih tanggungjawab pendidikan kanak-kanak setelah sistem feudal dihapuskan. Peluang pendidikan di sekolah terbuka kepada semua. Berlaku mobiliti status di dalam masyarakat.

Persepsi terhadap kanak-kanak mulai berubah mulai abad ke 16. Kanak-kanak dilahirkan dalam keadaan fitrah. Persekitaranlah yang mewarnai keperibadiannya sama ada baik atau sebaliknya.(John Locke 1632-1704).

Kanak-kanak dijadikan pekerja kilang dalam abad ke 18 di Eropah apabila berlakunya revolusi industri. Di Amerika juga berlaku keadaan yang sama. Kanak-kanak berkerja melebihi 16 jam sehari dalam persekitaran kerja yang amat buruk sekali.

Kebanyakan bapa berkerja di pejabat dan kilang di negara industri dalam abad ke 19. Tugas asuhan dan didikan anak-anak diambil-alih sepenuhnya oleh ibu di rumah. Stanley Hall pada tahun 1880 menarik perhatian masyarakat apabila mengenengahkan idea tentang kepentingan dan keunikan zaman remaja yang perlu diberikan perhatian khusus dalam pendidikan.

Abad ke 20 menjanjikan cabaran yang lebih besar dalam pendidikan kanak-kanak apabila persekitaran semakin komplikated dengan kelahiran teknologi canggih dan tinggi. Alaf baru iaitu abad ke 21 merupakan era globalisasi dan ICT usaha dalam menyediakan generasi cemerlang semakin sukar. Kurang minat belajar di kalangan remaja lelaki merupakan antara cabaran utama pendidikan pada dekad-dekad mendatang.

## 2.4 Peranan Ibu Bapa

Wujud perbezaan dan persamaan antara peranan Ibu dan bapa:

### 2.4.1 Perbezaan

Ibu semestinya wanita. Juteru itu, wanita sejak kecil lagi disosialisasikan peranannya untuk menjadi ibu. Bermula dari jenis alat permainan hinggalah kepada aktivi lain yang dikaitkan dengan pengurusan rumah. Bapa pula mestilah lelaki. Di mana anak lelaki digalakkan bermain di luar rumah.

### 2.4.2 Persamaan

Menjadi ibu bagi wanita dan bapa bagi lelaki sama-sama menjadi kewajipan apabila kedua-duanya memilih untuk mendirikan rumah tangga. Apabila mendapat anak statusnya sebagai ibu bapa tetap berterusan hingga mati walaupun anak itu diserahkan kepada orang lain.

Persiapan untuk menjadi ibu atau bapa boleh dikatakan kurang. Terpulang kepada individu untuk melengkapkan dirinya dengan ilmu, sikap dan kemahiran keibubapaaan masing-masing.

Peranan ibu dan bapa berubah-ubah mengikut tahap perkembangan kanak-kanak dari segi tanggungjawab, pola interaksi, tahap kawalan dan jenis sokongan. Peranan ibu bapa mengikut Hammer dan Turner (1996) adalah seperti di bawah

ini:(Rusnani Abdul Kadir 2000)

- 0-4 tahun (bayi) tugas pengasuhan
- 5-6 tahun (pra sekolah) tugas bimbingan
- 7-10 tahun (bersekolah) tugas menggalak
- 10-12 tahun (pra remaja) tugas tiada kepastian
- 13-18 tahun (remaja) tugas kaunselor

## 2.5. Tingkah Laku Keibu-bapaan

Tingkah laku ibu bapa ditentukan oleh faktor-faktor berikut:(Rusnani Abdul Kadir, 2000)

### 2.5.1 Anak

Umum beranggapan bahawa ibu bapa banyak mempengaruhi sikap dan perlakuan anak-anak. Namun demikian hasil penyelidikan pakar-pakar pendidikan mendapati anak-anak juga menjadi faktor penentu tingkah laku ibu bapa.

Paplia and Old (1998) mendapati tiga pola sifat anak yang banyak mempengaruhi ibu bapa seperti berikut:

- i. Anak yang mudah: sering menunjukkan emosi yang positif, cepat membina jadual tidur dan makan yang tetap, mudah menerima makanan baru . Mudah senyum kepada orang asing. Mudah menyesuaikan diri dengan situasi baru. Menerima kekecewaan dengan tidak banyak kerengah. Menerima dengan cepat rutin baru dan undang-undang permainan baru.
- ii. Anak yang sukar: kerap mempamerkan emosi negatif, kerap menangis dan ketawa dengan kuat. Makan dan tidur tidak menentu, sukar menerima makanan baru dan was-was terhadap orang asing. Sukar menyesuaikan diri dengan situasi baru. Bertindak balas secara negatif kepada kekecewaan. Lambat menyesuaikan diri dengan rutin baru.
- iii. Anak lambat panas: kerap mempamerkan kedua-dua emosi positif dan negatif. Rutin makan dan tidur agak baik. Menunjukkan respon negatif kepada perkara baru. Akan mula menerima dan meyakini perkara baru selepas berlaku beberapa ulangan dan tiada tekanan.

### 2.5.2 Ibu bapa

Ibu bapa yang matang dan sihat psikologi memberikan asuhan dan didikan yang baik terhadap anak-anaknya dan sebaliknya. Faktor hubungan ibu bapa yang positif dengan ibu bapa mereka menghasilkan hubungan yang baik terhadap anak-anaknya.

Tahap pendidikan, pendapatan dan status pekerjaan ibu bapa banyak mempengaruhi perlakuan anak-anak. Keluarga bahagia juga mempengaruhi perlakuan anak-anak. Kaum kerabat, jiran dan sahabat turut menyumbang perlakuan anak. Perlakuan anak juga banyak dipengaruhi faktor agama dan etnik. Pengaruh media massa juga tidak boleh diperkecilkan.

## 2.6 Tanggungjawab Ibu Bapa

Tanggungjawab ibu bapa terhadap anak boleh diringkaskan seperti berikut:

2.6.1 Mengasuh. Iaitu menyediakan keperluan asas. Termasuk di dalamnya memberikan makanan, pakaian, tempat tinggal dan menjaga kesihatan fizikal dan psikologi anak dengan baik.

2.6.2 Berinteraksi. Iaitu berinteraksi secara berkesan dengan anak-anak. Insya'allah semua masalah yang mereka hadapi dapat ditangani dengan baik.

2.6.3 Mensosialisasikan. Iaitu memberikan anak kemahiran sosial untuk berinteraksi dengan ahli masyarakat yang terdiri daripada pelbagai bangsa, keturunan, pegangan agama, adat resam, jantina, jawatan dan sebagainya.

2.6.4 Memberi pendidikan. Bermula dengan pendidikan tidak formal di rumah. Disusuli dengan pendidikan formal: tadika, sekolah menengah dan IPT.

2.6.5 Ibu bapa mithali. Menunjukkan teladan yang baik yang wajar diteladani anak-anak.

## 3. PERKEMBANGAN KANAK-KANAK

Papalia and Old (1991) menjelaskan bahawa perkembangan kanak-kanak terbahagi kepada dua. Pertama, kuantitatif iaitu dari aspek fizikal seperti berat dan tinggi. Kedua kualitatif iaitu dari aspek rohani, mental dan emosi seperti keupayaan berfikir.

### 3.1 Faktor Mempengaruhi Perkembangan Kanak-Kanak

Banyak faktor yang mempengaruhi perkembangan kanak-kanak:( Rusnani Abdul Kadir 2000)

3.1.1. Baka dari kedua ibu bapa terutama dari biologinya.

3.1.2 Persekitaran. Ia bermula dari dalam kandungan ibu, semasa kecil, ciri-ciri ibu, stail asuhan dan keadaan diri kanak-kanak itu sendiri.

### 3.2 Tugas Perkembangan

Robert Havighurst memperkenalkan konsep tugas perkembangan kanak-kanak. Ia membawa maksud tugas yang mesti dilaksanakan oleh setiap individu, sejak lahir hingga akhir hayatnya.

3.2.1 Peringkat bayi (lahir-2 tahun). Tugasnya ialah menyesuaikan fisiologi diri dengan kehidupan alam nyata. Memperkembangkan keyakinan terhadap persekitaran. Membezakan diri dari ibu. Belajar berjalan. Belajar memakan makanan pejal. Belajar bertutur.

- 3.2.2 Memperkembangkan perasaan autonomi. Belajar menerima perpisahan dengan ibu bapa. Menyesuaikan diri dengan proses sosialisasi. Menggunakan bahasa sebagai alat komunikasi. Belajar mengawal pembuangan najis.
- 3.2.3 Peringkat Pra Sekolah (5-6 tahun). Mengawal koordinasi pola pergerakan motor. Membentuk konsep dan mempelajari bahasa. Belajar cuba jaya. Bersedia untuk membaca. Mempunyai daya usaha. Belajar membezakan jantina. Identifikasi dengan ibu bapa dan penerimaan peranan umur dan seks. Belajar membezakan yang betul dan salah. Membentuk kata hati.
- 3.2.4 Peringkat Sekolah Rendah (6-12 tahun). Mengawal kemampuan fizikal. Menjaga kesihatan diri. Memperkembangkan identiti sendiri. Mengembangkan nilai moral. Memperluaskan hubungan sebaya. Mempelajari peranan jantina. Mencapai pembelajaran. Belajar mengawal luahan emosi negatif seperti marah dan cemburu. Berusaha mencapai kejayaan. Membina sikap terhadap diri yang sempurna. Mencapai kebebasan peribadi. Membentuk sikap terhadap kumpulan sosial dan institusi.
- 3.2.5 Peringkat Remaja (13-21 tahun). Mencapai kemerdekaan daripada ibu bapa. Membentuk kebebasan emosi daripada ibu bapa. Mendapat kemahiran sosialisasi. Penghargaan diri. Kepuasan identiti sendiri. Kemahiran akademik dan vokasional. Nilai hidup dan moral. Kendalikan perkebangn fizikal dan seksual. Menerima peranan bersifat lelaki dan perempuan. Atasi halangan *egocentrism*. Kematangan dalam membuat keputusan. Minat memikul tanggungjawab. Persediaan perkahwinan dan berkeluarga.

### 3.3 Perkembangan Fizikal dan Motor

Perubahan fizikal seperti tinggi, berat dan saiz badan, keupayaan pancaindera, kemahiran motor dan perkembangan otak itulah yang dimaksudkan dengan perkembangan fizikal dan motor.

Ia melalui beberapa peringkat: iaitu dalam kandungan ibu, peringkat baru lahir hingga 4 minggu, peringkat bayi (1 tahun hingga 2 tahun), peringkat bertateh (2-4 tahun), peringkat pra sekolah (4-6 tahun), peringkat sekolah rendah (6-12 tahun), peringkat remaja (13-18 tahun).

### 3.4 Perkembangan Intelek atau Kognitif

Perkembangan intelek difokuskan kepada dua aspek berikut:

3.4.1 Pembelajaran. Setiap bayi dilahirkan dengan keupayaan untuk belajar. Pembelajaran hanya berlaku melalui pengalaman.

3.4.2 Perkembangan bahasa. Ia merupakan kriteria penting dalam perkembangan kognitif.

### 3.5 Perkembangan Emosi dan Sosial

Persekitaran sosial merupakan faktor penting berlakunya perkembangan emosi dan sosial. Hasil dari proses sosiolisasi sejak seseorang kanak-kanak itu dilahirkan hinggalah remaja, emosi dan sosialnya berkembang dengan pesat dan berterusan.

### 3.6 Perspektif Islam

Ibu bapa mempunyai tanggungjawab yang seimbang terhadap anak-anak yang difardukan oleh Allah s.w.t sebagai khalifah Allah s.w.t di atas muka bumi ini. Anak merupakan anugerah, amanah, tanda kebasaran, kepenyayangan dan ujian dari Allah s.w.t. serta sebagai penerus kesinambungan generasi manusia.(Surah at Tahrim:66:6)

Anak sebagai amanah dan nugerah daripada Allah s.w.t dilahirkan dalam keadaan fitrah yang suci dari sebarang pengaruh sama ada kebaikan atau keburukan. Ia diibaratkan kain putih yang terpulang kepada ibu bapa untuk mencorakan dan mewarukannya.(Hadis yang diriwayatkan oleh Abu Daud)

Dalam menunaikan amanah dan tanggungjawab terhadap anak, Islam telah menggariskan langkah-langkah yang wajar dilakukan oleh kedua ibu bapa seperti berikut:

3.6.1 Sentiasa berdoa kepada Allah s.w.t. agar Allah memberi perlindungan kepada anak itu dari gangguan syaitan. Ia dilakukan di peringkat mencampuri isteri lagi.

3.6.2 Ketika ibu sedang mengandung, ibu bapa juga harus berdoa agar dijauhkan dari perasaan gelisah, duka, sedih dan sebagainya.

3.6.3 Sebaik sahaja bayi itu dilahirkan sunat diazankan bagi lelaki dan iqamah bagi wanita.

3.6.4 Ibu bapa juga wajar memberi nama yang baik-baik kepada anak mereka.(Hadis yang diriwayatkan oleh al Baihaqi)

3.6.5 Ibu bapa wajar mencukur rambut bayi mereka dan yang ada kelapangan mengadakan 'aqiqah, terutama pada hari ke tujuh selepas kelahiran.(Hadis yang diriwayatkan oleh at Turmizi, an Nasa'i dan Ibnu Majah)

3.6.6. Ibu juga wajib menyusukan anaknya, sejak dilahirkan hinggalah berumur dua tahun.(Abu Hamid al Ghazali 1980)

3.6.7 Ibu juga diwajibkan mengasuh (*hadhaah*) anak-anak mereka.(Surah al A'raf:7:143)

3.6.8 Mewujudkan suasana Islam di dalam sebuah rumahtangga maha penting yang boleh dimainkan peranannya oleh ibu bapa. Jelasnya tradisi Islam seharusnya menghayati segala kegiatan di dalam sesebuah rumahtangga yang bermula daripada adab makan, berbual, tidur dan sebagainya.

3.6.9 Ibu bapa bertanggungjawab memastikan agar anak-anak mereka tidak terdedah kepada perkara-perkara maksiat. Mereka juga bertanggungjawab mencetuskan perdamaian dan keharmonian rumah tangga bagi membolehkan anak-anak mendapat perlindungan dan kasih sayang daripada kesempurnaan rumahtangga yang dipimpin oleh ibu bapa mereka.

3.6.10 Ibu bapa juga bertanggungjawab memberikan kasih sayang untuk kebahagiaan anak-anak mereka di dunia dan di akhirat. Kasih sayang adalah tali pengikat yang paling erat dan teguh di antara anak dengan ibu bapa mereka. Dengan ikatan ini anak-anak akan berasa terhutang budi dan bersedia mematuhi segala suruhan dan tegahan yang diberikan oleh ibu bapa mereka kearah pembentukan akhlak yang terpuji.

Watak yang ditunjukkan oleh ibu bapa akan diwarisi oleh anak-anak apabila besar kelak. Andainya mereka dibelai dengan kasih sayang, mereka akan bersifat pengasih dan penyayang apabila besar kelak dan sebaliknya.

Kasih sayang yang dimaksudkan di sini ialah dalam kadar yang sederhana. Jangan sampai ke taraf memanja-manjakan. Sifat yang demikian akan menyebabkan anak-anak itu tidak percaya kepada diri sendiri untuk berdikari, apabila dewasa kelak. Islam menggalakkan umatnya agar segala sesuatu yang dilakukan itu dalam kadar yang sederhana (seimbang).(Surah al Baqarah:2:43)

3.6.11 Ibu bapa juga tidak boleh mengamalkan dasar pilih kasih antara anak-anak mereka dalam pemberian kasih sayang, pakaian, makanan, hadiah dan sebagainya. Pilih kasih merupakan pencetus masalah hubungan di antara anak dengan ibu bapa.

Walaupun anak-anak tidak berhak untuk mempertikaikan tindakan pilih kasih ibu bapa, namun mereka akan tersinggung dan sedih yang boleh mengakibatkan hilang keyakinan, kepercayaan, kesetiaan dan ketaatan terhadap ibu bapa mereka.

3.6.12 Ibu bapa juga wajib memberi nafkah kepada anak-anak mereka dengan menyediakan tempat tinggal dan pakaian yang sempurna dalam kadar kemampuan mereka.(Hadis yang diriwayatkan oleh Muslim)

3.6.13. Mereka juga bertanggungjawab untuk mewujudkan dan mengekalkan suasana harmoni, riang, gembira, aman dan tenteram di dalam rumah tangga. Suasana ini penting diabadikan bagi membolehkan anak-anak yang sedang dibesarkan dan dididik itu dapat menikmati ketenangan dan keamanan jiwa.

Psikologi anak-anak yang sihat tidak mungkin dapat dilahirkan dari rumah tangga yang porak peranda dan kucar kacir. Belaian kasih sayang dan belas ihsan adalah santapan jiwa bagi anak-anak. Hal ini hanya dapat disempurnakan di dalam rumahtangga yang aman dan harmoni.

3.6.14 Ibu bapa juga bertanggungjawab menguruskan perkahwinan anak-anak sama



ada lelaki atau perempuan. Apabila sampai umur dewasa dan berkemampuan mendirikan rumah tangga bagi lelaki wajar digalakkan mencari jodoh yang sesuai dengannya. Bagi anak perempuan pula, apabila ada pinangan janganlah dilambatkan penerimaannya, terutama dari lelaki yang salih. Urusan perkahwinan dan *walimatul'urus* perlu segera diuruskan. (Hadis yang diriwayatkan oleh al Hakim)

#### 4. PEKEMBANGAN MANUSIA: PERSPEKTIF TEORI

Terdapat banyak teori berkaitan dengan perkembangan manusia. Yang popular adalah seperti berikut:

4.1 Teori Keperluan Maslow. Ia memperkenalkan teori piramid. Maslow menjelaskan perkembangan manusia itu bermula dari bawah iaitu untuk memenuhi keperluan fisiologi dan berakhir dengan kesempurnaan sendiri.

##### 4.2 Teori Psikoseksual Freud

Beliau memperkenalkan lima tahap perkembangan personaliti: peringkat Oral (lahir hingga 12-18 bulan), peringkat Anal (12-18 bulan hingga 3 tahun), peringkat Falik (3 tahun hingga 5-6 tahun), peringkat Latensi (5-6 tahun hingga 11 tahun) dan peringkat Genital (baligh keatas). Freud menekankan tentang perkembangan individu dipengaruhi oleh kuasa psikologi, biologi dan seks.

##### 4.3 Teori Psikososial Erikson

Beliau menekankan tentang kepentingan faktor budaya dan sosial dalam perkembangan manusia. Interaksi dan sosialisasi paling banyak mempengaruhi perkembangan seseorang individu.

##### 4.4 Teori Kognitif Piaget

Jean Piaget (1896-1980) membahagikan tahap perkembangan kognitif kanak-kanak kepada empat peringkat: tahap Sensorimotor (lahir hingga 2 tahun), tahap Praoperasi (2 hingga 7 tahun), tahap Operasi Konkret (7 hingga 11 tahun) dan tahap Operasi Formal (11 tahun keatas).

##### 4.5 Teori Perkembangan Moral Kohlberg

Kohlberg memperkenalkan teori moral. Di mana moral seseorang kanak-kanak itu terhasil dari proses sosialisasi, pendidikan, adat dan kebudayaan. Ia berkait rapat dengan perkembangan intelek dan kognitifnya.

##### 4.6 Teori al Ghazali

##### 4.7

Imam al Ghazali mengeluarkan teori pendidikan akhlak berkaitan dengan perkembangan kanak-kanak. di dalam kitab agungnya *Ihya' Ulumuddin*. (Imam al Ghazali, 1980) Teorinya ini disandarkan kepada sepotong hadis sahih dan popular, terjemahannya:

*Setiap bayi itu dilahirkan dalam bentuk yang suci dan bersih. Terpulanglah kepada ibu bapanya untuk menjadikannya Yahudi, Nasrani dan Majusi.* (Diriwayatkan oleh Bukhari dan Muslim)

Imam al Ghazali berdasarkan kepada Hadis di atas menjelaskan bahawa anak-anak diibaratkan seperti kain kapan yang putih dan bersih. Pencorakan dan pewarnaannya adalah menjadi tanggungjawab kedua ibu bapa mereka. Titik permulaan pencorakan dan pewarnaan telah bermula sejak anak-anak itu dilahirkan dan berada di dalam buaian.. Berterusan hingga prasekolah, pendidikan formal di sekolah dan IPT.

Sebaik sahaja dilahirkan ia diazan atau diiqamahkan. Kalimah itu wajar didengarkan sejak kanak-kanak berada di dalam buaian. Setelah bayi itu besar, boleh berjalan, berlari dan bercakap dengan lancar dan mengerti titah perintah dan pantang larang, langkah selanjutnya perlu dituruti.

Tunjuk ajar, latihan dan amalan akhlak yang mulia amat mustahak ditekankan di peringkat ini. Kerana kanak-kanak di peringkat ini amat rajin dan bersedia menerima arahan dan tegahan tanpa mempersoalkan apakah pengertian dari arahan dan tegahan itu itu tadi.

Amalan yang baik sentiasa dilakukan akhirnya menjadi adat kebiasaan yang tidak dapat lagi dikikis oleh faktor masa dan persekitaran. Latihan di dalam pelbagai bidang kehidupan kanak-kanak itu yang paling diutamakan oleh Imam al Ghazali ialah adab makan, adab tidur, adab berbicara dan adab pergaulan.

Setelah anak itu mumaiz iaitu berumur 7 tahun perkara-perkara fardhu ain asas sudah wajib diajarkan termasuk rukun iman, rukun Islam, muamalat, munakahat dan jenayat.

Imam al Ghazali mencadangkan agar anak-anak dilatih melaksanakan rukun Islam seperti sembahyang dan berpuasa. Jika gagal dan anak-anak itu enggan ketika berumur 10 tahun boleh dipukul.. Ibu bapa boleh menyerahkan tugas asuhan dan didikan anak-anak kepada guru yang berkelayakan dari peringkat rendah, menengah dan hinggalah peringkat tinggi.

## 5. STAIL KEIBUBAPAAN

Yang dimaksudkan dengan stail keibubapaan ialah bagaimana usaha ibu bapa memperagakan kepercayaan mereka untuk menjadai ibu bapa yang baik atau sebaliknya. Ia ditentukan oleh faktor sejarah keluarga, budaya dan nilai masyarakat. Stail keibubapaan boleh dibahagikan kepada:

### 5.1 Model Baumrind

Baumrind mengemukakan empat stail keibubapaan hasil dari penyelidikannya seperti berikut:

5.1.1 Stail *Authoritative*. Suka menggunakan kuasa ibu bapa.

5.1.2 Stail *Authoritarian*. Ibu bapa bersedia menggunakan kuasa ibu bapa.

5.1.3 Stail *Permissive-Indulgent*. Penerimaan yang tinggi terhadap anak. Namun rendah dalam aspek mengawal mereka.

5.1.4 Stail *Permissive-neglectful*. Penerimaan yang rendah terhadap anak dan

kawalannya juga rendah.

## 5.2 Stail Keibubapaan Yang Tidak Efektif

Enam stail keibubapaan yang dikemukakan oleh Woititz (1992) seperti berikut:

- 5.2.1 Ibu bapa yang suka mengkritik terhadap anaknya.
- 5.2.2 Ibu bapa yang terlalu mengharap sesuatu yang berlebihan dari anaknya.
- 5.2.3 Ibu bapa yang suka berjanji. Justeru itu kerap pula memungkirinya.
- 5.2.4 Ibu bapa yang selalu tidak ada, disebabkan bertugas di luar rumah yang lama.
- 5.2.5 Ibu bapa yang tidak kisah terhadap anaknya.
- 5.2.6 Ibu bapa yang menyelamat. Di mana ia melakukan semuanya untuk anak.

## 6. KEMAHIRAN KEIBUBAPAAN

Setiap ibu bapa memerlukan pelbagai kemahiran untuk melengkapkan diri dalam melaksanakan amanah, tugas dan tanggungjawabnya sebagai ibu bapa. Kemahiran-kemahiran utama itu adalah seperti di bawah ini: (Rusnani Abdul Kadir, 2000)

### 6.1 Komunikasi ibu bapa-anak

Kemunikasi yang baik dengan anak menjadikan hubungan antara kedua belah pihak menjadi berkesan. Dengan memberikan layanan terhadap anak sebagai seseorang individu, menjadi pendengar yang baik, menerima perasaan anak dan kurangkan mesej yang memperkecilkan anak.

### 6.2 Disiplin

Ia merupakan satu proses di mana ibu bapa berusaha mengubah tingkah laku anak. Dalam ayat yang paling ringkas ialah mengajar anak. Anak perlu disiplinkan untuk memberi perlindungan, untuk mengajar anak bersahabat dengan baik, untuk mengawal diri sendiri dan agar anak memahami batasan kebebasan.

### 6.3 Menghukum anak

Menghukum diperlukan dalam mendisiplinkan mereka apabila usaha ibu bapa diingkari. Terdapat dua strategi penegasan kuasa.

- 6.3.1 Dendaan fizikal untuk mengawal tingkah laku lencongan anak-anak seperti merotan.
- 6.3.2 Unduran kasih sayang. Contohnya ibu bapa mengugut untuk meninggalkan rumah.

### 6.4 Membina penghargaan sendiri anak

#### 6.5

Ia membawa maksud keupayaan seseorang anak menilai diri sendiri dari aspek kebolehan, pencapaian, kepentingan dan nilai yang dipegangnya. Terdapat dua faktor utama yang mempengaruhi perkembangan diri anak:

- 6.5.1 Peribadi. Iaitu kebolehan fizikal dan intelektual seseorang anak.

6.5.2 Persekitaran. Ia meliputi ibu bapa, keluarga, rakan sebaya, sekolah, media massa dan sebagainya.

6.5.3

## 6. KEIBUBAAPAAN DALAM KES KHAS

Kanak-kanak yang mempunyai keperluan khusus dalam aspek pendidikan formal memerlukan pula ibu bapa yang mempunyai pengetahuan dan kemahiran tambahan. Kanak-kanak yang dimaksudkan adalah seperti berikut:

### 7.1 Kanak-Kanak Cacat Penglihatan

Terdapat beberapa jenis kanak-kanak cacat penglihatan seperti rabun jauh (*myopia*), rabun dekat (*hyperopia*), rabun (*astigmatism*) atau penglihatan kabur, juling (*strabismus*), urat safak musnah (*glaucoma*), nampak dua (*diplopia*) dan sentitif kepada cahaya (*albinisme*).

### 7.2 Kanak-Kanak Cacat Pendengaran

Deria pendengaran merupakan deria yang terpenting dalam proses pembelajaran bagi seseorang kanak-kanak. Ia menjadi alat utama bagi kanak-kanak mengenal bunyi seperti tangisan, pujukan ibu, bunyi haiwan dan bunyi dari sumber yang tidak bernyawa. Deria pendengaran bertambah penting ketika seseorang kanak-kanak berusia satu hingga 2 tahun.

### 7.3 Kanak-Kanak Bermasalah Pertuturan

Gagap, lambat bercakap dan gangguan artikulasi termasuk dalam kategori masalah pertuturan. Gagap membawa maksud banyak ulangan, berhenti atau memanjangkan bunyi, perkataan dan frasa. Ia boleh berlaku disebabkan oleh tiga faktor: kerana gangguan emosi, unsur biologi atau masalah otak dan dipelajari.

### 7.4 Kanak-Kanak Cacat Anggota

Ia membawa maksud kecacatan anggota dari segi fizikal atau hilang keupayaan seperti lumpuh yang mengganggu pergerakan kanak-kanak, keupayaan berkomunikasi, belajar dan penyesuaian. Kecacatan anggota kanak-kanak boleh dihuraikan selanjutnya seperti berikut: *Cerebral Palsy* dan *Spina Bifida*. (Rusnani Abdul Kadir, 2000)

### 7.5 Kanak-Kanak Ketidakupayaan Pembelajaran

Terdapat kanak-kanak yang sukar untuk memahami bahasa, menggunakan bahasa, bercakap dan menulis. Ia merupakan implikasi dari ketidak-sempurnaan dalam kebolehan berfikir, mendengar, membaca, bercakap, menulis dan mengira.

Pakar-pakar psikologi membahagikan ketidak-upayaan kanak-kanak kepada dua bahagian utama: *Autisme* dan *Dylexia*.

### 7.6 Kanak-Kanak Defisit Kognitif

Fungsi mental yang berada di bawah paras biasa dan terhad itulah yang dimaksudkan dengan kanak-kanak defisit kognitif. Ia terbahagi kepada dua bahagian:

### 7.6.1 Organik

Ia disebabkan oleh sesuatu yang tidak kena dari segi fizikal di dalam otak. Contohnya jangkitan ruble dan *down sindrom*. Biasanya ia mengalami kerosakan teruk. *Down sindrom* merupakan satu ketidak-normalan dan bukan satu penyakit. Ia mudah dikenali dengan paras rupa yang lebih kurang serupa di seluruh dunia tanpa mengira batas geografi dan keturunan.

Mereka tidak bodoh. Cuma perkembangan motor dan fizikalnya sahaja yang lambat. Ia juga mengalami komplikasi lain seperti rabun penglihatan, jangkitan paru-paru, usus tersekat dan jantung berlubang.

### 7.6.2 Keluarga-budaya

Ia disebabkan oleh gabungan faktor genetik dan persekitaran yang tidak sesuai. Contohnya ibu yang mengambil alkohol semasa mengandung, tidak melalui penjagaan anti natal, tidak diberikan perhatian dan ransangan selepas dilahirkan dan ibu bapa yang buta huruf. Kecatan ini biasanya tidak serius.

### 7.7 Kanak-Kanak Pintar, Cerdas, Kreatif dan Berbakat

Kanak-kanak luar biasa keupayaannya IQnya dikenali sebagai pintar, cerdas, kreatif dan berbakat. Mereka amat bernasib baik di alaf baru ini jika dibandingkan dengan rakan-rakan mereka sebelum ini. Mereka bukan sahaja disediakan pendidikan khas malah bakat dan keupayaan mereka diambil-kira di dalam semua bidang termasuk seni, sukan, rekacipta sains dan teknologi.

Pakar psikologi mendapati 2 daripada 100 kanak-kanak dilahirkan mempunyai keupayaan luar biasa. Mereka mempunyai, kesihatan yang baik, tahap perkembangan fizikal yang lebih cepat, kecergasan fizikal yang memuaskan, sudah pandai membaca sebelum masuk sekolah, cemerlang dalam matematik dan pencapaian yang baik dalam pelbagai mata pelajaran.

Memiliki kemahiran sosial dan penyusuaian psikologi yang lebih baik. Lebih sungguh-sungguh, tekun, tabah, sabar dan popular. Juga memiliki keyakinan diri yang tinggi. Setelah dewasa kurang terlibat dengan gejala negatif seperti penyalah-gunaan dadah, bunuh diri dan perceraian. Mereka menjadi golongan profesional dengan ijazah tinggi seperti doktor, peguam, pensyarah dan pengarang yang terkenal.(20)

Bagi ibu bapa yang dianugerahi anak pintar mereka perlu melengkapkan diri dengan pengetahuan dan kemahiran tertentu bagi memastikan bakat besarnya dapat diperkembangkan. *National Association for Gifted Children* telah ditubuhkan di Malaysia pada tahun 1986 bagi membantu ibu bapa anak pintar untuk memberikan bimbingan yang terbaik.

## 7. KESIMPULAN

Sesungguhnya dan tidak syak lagi bahawa ibu bapa yang mempunyai sikap, ilmu dan kemahiran yang tinggi berkaitan dengan keibubapaan, berkeupayaan dan berketerampilan untuk menjadi ibu bapa misali. Keluarga bahagia negara sejahtera.

### RUJUKAN

- Abdullah al Hadi H.M. (1999), *Keluarga Sejathera*, Kuala Lumpur: Penerbit Darul Fikir.
- Abdullah Nasih Ulwan. (1998), *Pendidikan Anak Dalam Islam*, (Terjemahan), Singapura: Pustaka Nasional.
- Brooks, J.B. (1999), *The Process of Parenting*, Palo Alto. California: May Fields Publishing Co.
- Halimah Ahmad et. al (1997). *Modul Pendidikan Keibubapaan*, Kuala Lumpur: Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga dan UPM.
- Imam al Gahazli, (1980), *Ihya' Ulumuddin*, Jakarta: Menara Kudus. Jilid 4.
- Leigh G.K. and Paterson G.W. (2000). *Adolecent in Family*. Ohio: South-Western Publishing Co.
- Mat Saat Baki. (2000). *Panduan Mendidik Anak*, Kuala Lumpur: Karya Bistari Sdn. Bhd.
- Muhd Mansur Abdullah dan Siti Nordinar Mohd Tamim. (1998). *Psikologi Remaja*. Petaling Jaya: Fajar Bakti.
- Rusnani Abdul Kadir. (2000). *Pendidikan Keibubapaan*, Serdang: Unversiti Putra Malaysia.